

28/04/1997

Nik Aziz perlu perbetulkan semua kekeliruan

Sut

APABILA Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat mengakui kempen yang dijalankan oleh Pas selama ini bercanggah dengan konsep dakwah yang dikehendaki Islam, kita mengharapkan kata-katanya itu tidak tinggal kosong begitu saja.

Kita mengharapkan Pas dan Nik Aziz sendiri sebagai salah seorang yang penting dalam kerajaan Kelantan dan sebagai Mursyidul Am Pas memperbaiki segera segala kesilapannya pada masa lalu. Kita mengharapkan Nik Aziz dan pemimpin Pas yang lain segeralah bertaubat nasuha kerana gerakan yang dijalanannya selama ini menyakitkan hati orang lain dan itu bukan kaedah yang dikehendaki oleh Islam.

Sewaktu menyampaikan ceramahnya di Balai Islam, Parit Panjang, Baling Kedah Nik Aziz mengatakan: "Kita perlu mendekati orang lain dan jangan sekali-kali mengeluarkan cakap kotor yang dilarang di dalam Islam."

Dilaporkan juga di dalam media sebelum ucapan Nik Aziz itu, salah seorang tokoh Pas yang berucap sebelumnya melemparkan tuduhan melulu dan tidak berasas terhadap kepemimpinan kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) dan amat bercanggah dengan ucapan Nik Aziz.

Kita mengharapkan selepas ucapan Nik Aziz itu, tidak ada lagi ucapan yang berupa tuduhan melulu dan tidak bertanggungjawab.

Tetapi kita ingin juga bertanya apakah yang dimaksudkan oleh Nik Aziz sebagai 'menyakitkan hati' itu termasuk juga apabila pemimpin Pas menyatakan kepada pemimpin di luar Pas, terutamanya pemimpin Umno. Malah bagi pemimpin Pas, Umno itu sendiri sebagai tidak Islam?

Adakah menyatakan orang lain sebagai tidak Islam, taghut, assabiyah itu tidak menyakitkan hati? Jika itu menyakitkan hati orang lain apakah perbuatan itu akan dihentikan atau hanya pada keadaan tertentu saja ia perlu dihentikan?

Itu mengenai kempen secara terbuka terutama dalam syarahan pemimpin Pas. Bagaimanakah pula hukumnya dalam hal bisik-bisik yang disebar dari mulut ke mulut yang membawa fitnah berupa hukum terhadap rakyat yang tidak menyokong perjuangan Pas?

Pas sudah lama membawa fitnah bahawa orang yang tidak menyokong perjuangan Pas adalah tidak Islam dan oleh yang demikian apabila mati, mereka akan dihumbankan ke dalam neraka. Bagaimana Pas boleh menarik balik bisik-bisik yang disebar dari mulut ke mulut melalui institusi masjid di Kelantan?

Bukan itu saja, malah dikatakan orang yang tidak menyokong perjuangan Pas adalah orang yang tidak menyokong perjuangan Islam. Pas dan pemimpinnya sudah membina satu situasi yang sedemikian sehingga rakyat di kampung menganggap hanya Pas parti Islam di Malaysia dan sesiapa yang tidak menyokong Pas adalah tidak menyokong perjuangan Islam.

Malah pada sesetengah tempat, ada orang yang menganggap Pas itu Islam dan Islam itu Pas. Siapakah yang akan bertanggungjawab terhadap sikap yang terbina hasil daripada kempen Pas itu?. Tidakkah ini juga harus dibetulkan oleh Nik Aziz dengan tegas.

Kempen Pas yang mengelirukan sesetengah orang juga sebenarnya adalah sejenis maki hamun yang menyakiti hati orang lain. Ini juga harus diperbetulkan semula oleh pemimpin Pas kerana merekalah yang membawanya, jadi tidak ada orang lain yang harus memperbaikinya.

Sesungguhnya perkara itu perlu diperbetulkan segera kerana ini boleh memesongkan iktikad seseorang Islam. Malah kita ada mendengar cerita yang

tersebar di kampung yang menyatakan bahawa tiga kali undi Pas dalam pilihan raya sama pahalanya dengan sekali pergi Umrah. Masya-Allah. Sampai begitu sekali. Tidakkah ini juga harus diperbetulkan supaya iktikad masyarakat dan umat Islam tidak terkeliru.

Kalau kita sibuk memerangi pelbagai ajaran salah, tidakkah ini juga satu iktikad yang salah yang timbul oleh sebab kempen Pas untuk memenangi pilihan raya? Tidakkah ini juga menjadi tanggungjawab Pas membetulkannya?

Bagaimana pula dengan sesetengah masjid yang hanya didatangi orang Pas? Tidakkah ini juga harus diperbetulkan. Seperti kata Nik Aziz, umpama kita memberi makan ayam, maka apabila kita tabur beras ataupun padi dan apabila ayam datang janganlah pula kita lontar dengan batu.

Begitulah juga dengan keadaan di banyak masjid, terutama di Kelantan. Ada banyak masjid yang tidak didatangi orang yang bukan ahli Pas atau yang bukan penyokong Pas oleh kerana yang menjadi orang berkuasa di situ adalah orang Pas dan apabila datang yang selain daripada penyokong Pas maka yang diberikan ialah kata-kata yang menyakitkan hati.

Ada banyak keadaan yang sebegitu menyebabkan orang itu terpaksa pergi ke masjid lain, walaupun lebih jauh dari rumahnya.

Akhirnya kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Nik Aziz kerana sedar dan mengaku kesilapan yang dilakukannya selama ini.

Sesungguhnya seperti kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Simposium Antarabangsa Mengenai Dunia Islam dan Kerjasama Global: Persediaan Untuk Abad Ke-21, Islam boleh menjadi kuasa kebaikan pada abad ke-21 jika umat Islam memilih untuk menyumbang membina dan pada masa yang sama mengekalkan kepercayaan, nilai kerohanian dan persaudaraan tulen mereka, mereka akan mampu memberi sumbangan positif kepada kemajuan kemanusiaan, menjadikannya tenang kembali dan menghalang haluan kehancuran yang sedang ditujui manusia, kerana Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa melainkan bangsa itulah yang mengubahnya.

Tambah Dr Mahathir: "Adalah lebih baik umat Islam menghadapi abad ke-21 dengan mata terbuka luas dan mempunyai pandangan jelas mengenai apa yang mereka mahu lakukan dan peranan apakah yang mahu dimainkan."

Rakyat dan masyarakat Malaysia hari ini, kecuali hanya sebilangan kecil yang tidak dapat melihat realiti yang ada di depan mereka.

Sebahagian besarnya mereka dapat membezakan manakah satu yang lebih baik untuk mereka.

(END)